

28 DISEMBER 2017

‘Alternatif’ kaki lalok



‘ALTERNATIF’ KAKI LALOK

Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Syazwan Msar
am@hmetro.com.my

■ Penagih beralih kepada air ketum
ekoran harga heroin melonjak

Kuala Lumpur

Harga dadah heroin yang semakin mahal, selain sukar diperolehi menyebabkan penagih di utara dan pantai timur beralih kepada penagihan air rebusan daun ketum.

Berdasarkan kajian, daun ketum *Mitragyna Speciosa* atau nama popular pokok biak dalam kalangan penduduk kampung mampu memberikan kesan khayal sama atau lebih kuat daripada dadah morfin.

Kesan dadah berkenaan diperolehi jika daun ketum direbus dan airnya diminum.

Perkara ini diakui Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya yang mengakui bahawa air ketum, selain pihaknya tidak bercadang menjadikan ketum sebagai ubat penahan sakit dan rawatan penagihan dadah.

“Ketum dan morfin adalah sama, kesannya juga sama. Ia untuk energetik, tahan sakit boleh, nak bagi tidur boleh, banyak kegunaannya,” katanya mengulas kenyataan pihak Universiti Sains Malaysia (USM) yang mendapati ketum berpotensi untuk dijadikan sebagai penahan sakit dan rawatan penagihan dadah.

Dr Hilmi berkata, ketum



“Ia untuk energetik, tahan sakit boleh, nak bagi tidur boleh, banyak kegunaannya”
Dr Hilmi

disalah guna golongan muda dan pengambilan yang berlebihan boleh membuat sistem badan terjejas serta rosak.

Beliau berkata, kerajaan bercadang mengubal Akta Racun 1951 yang diguna untuk menyela aktiviti berkaitan ketum dengan menambah elemen dan menitikberatkan soal larangan penanaman tumbuhan ini secara komersial pada tahun hadapan.

“Ia di peringkat

akhir dan dijangka dibentang pada persidangan Dewan Rakyat akan datang,” katanya.

Sebelum ini Pentadbiran Penguatkuasaan Dadah (DEA) Amerika Syarikat turut mengkategorikan tumbuhan ketum dalam Jadual I sebagai bahan bukan untuk penggunaan perubatan dan berpotensi tinggi untuk disalahgunakan.

Memetik laporan CNN, klasifikasi itu turut termasuk dalam Jadual I ialah heroin, LSD, ganja dan ekstasi.

Ketum dikenali Kratom di AS, sebelum ini dalam kawalan longgar Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) AS.

Apabila diambil pada kadar rendah, ketum bertindak seperti perangsang, sekali gus meningkatkan kewaspadaan. Tetapi pada kadar yang lebih tinggi, ketum menjadi sedatif, menghasilkan kesan ketagihan akibat kandungan kimia *mitragynine* dan *7-hydroxymitragynine*.



ANTARA RAMPASAN TERBESAR KETUM SEJAK OKTOBER LALU

info

24 November

Seorang lelaki berusia 48 tahun diberkas ketika cuba menyeludup keluar 180 kilogram daun ketum ke Thailand melalui Daerah Padang Terap, Kedah.



9 November

Seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) diberkas kerana menyeludup keluar 700 kilogram (kg) daun-ketum ke negara jiran melalui Padang Terap.

4 November

Dua lelaki dicekup polis bersama 200 kilogram daun ketum menerusi operasi Snap and Check di Jalan Kampung Kuala Roman, Jeneri, Sik, Kedah.

25 Oktober

Seorang lelaki ditahan kerana memiliki 50 kilogram daun ketum yang disorokkan di bonet keretanya di Jalan Lambor Kiri, Parit, Perak.

24 Oktober 2017

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui pasukan 2 Rejimen Sempadan merampas 420 kilogram daun ketum bernilai RM39,900 disembunyikan di dalam sebuah pacuan empat roda di Bukit Kayu Hitam.

19 Oktober 2017

Polis menggagalkan percubaan seorang lelaki menyeludup 70 kilogram (kg) daun ketum dan 708 botol cecair ubat batuk bernilai RM7,800 ke Langkawi selepas menahannya di Kampung Alor Biak, Jitra, Kedah.

INFO BERKAITAN POKOK KETUM

- Turut dikenali sebagai pokok biak atau nama botani, *Mitragyna speciosa korth*.
- Sejenis tumbuhan daripada keluarga Rubiaceae yang terdapat di Afrika serta di selatan Thailand.
- Pokok malar hijau berdaun hijau tua berkilat dan mempunyai bunga kuning kecil.
- Turut dipanggil sebagai *kakaum*, *ithang* atau *thom* di Thailand.
- Secara tradisional digunakan sebagai minuman pemulih tenaga bagi wanita baru bersalin.
- Terkenal pada awal tahun 2003 kerana dikatakan mengandungi *mitraginin* yang menjadi punca ketagihan.
- Biasanya direbus bersama bateri, ubat nyamuk dan pelbagai kimia untuk menambah kesan khayal selain ubat batuk.
- Penyalahgunaan menyebabkan hilang kawalan diri, rasa bosan dan malas, anak mata menjadi sempit, sembelit, hilang selera makan dan insomnia.
- Berharga sekitar RM30 sekilogram di Malaysia sebelum dijual di Thailand dengan harga RM100 sekilogram.

